

# Barisan JKKK Sg Ramal terharu dengan pengorbanan dan keikhlasan pendokong-pendokong RPWP

**Saturday, May 15, 2010**

## MAJLIS ANUGERAH KASIH



Majlis anugerah kasih sempena program Hari Ibu dan Derma Darah yang di anjurkan oleh RUMAH PENGASIH WARGA PRIHATIN dengan kerjasama JKKK Sg Ramal Luar yang di rasmikan oleh YB Dr Hj Shafie Abu Bakar selaku ADUN Bangi. Turut serta dalam majlis tersebut adalah orang yang tidak asing lagi di seluruh kawasan Hulu Langat, beliau adalah Dato Ujang Bagong.



Barisan JKKK Sg Ramal Luar terasa tersentuh dengan ucapan yang disampaikan oleh Pengerusi Rumah Pengasih, Dr Hj Masjuki Mohd Musuri dimana rumah pengasih tersebut di bina atas sebuah tanah dan rumah seluas suku ekar yang di wakafkan oleh beliau sendiri. Beliau juga turut mewakafkan wang simpanan dan dua buah minimarket.



Rumah Pengasih Warga Perihatin ini di bina hasil kerja tangan secara gotong royong oleh pendokong-pendokongnya sendiri pada setiap hujung minggu dan cuti umum. Pembinaan dan dana pengurusan adalah menggunakan dana yang sangat terhad yang dikumpul hasil sumbangan bulanan oleh kira-kira 12 dari 20 keluarga yang berkemampuan, manakala selebihnya seramai 8



orang menyumbang tenaga..

Selain menyediakan tempat perlindungan dan pendidikan untuk anak yatim, warga emas, OKU, dan fakir miskin, rumah pengasih ini juga melaksanakan usaha pemulihan akhlak dan penagihan dadah untuk golongan anak-anak yang bermasalah.

Kami selaku barisan JKKK Sg Ramal Luar sangat terharu dan cukup kagum dengan pengorbanan dan keikhlasan pendokong-pendokongnya dalam memastikan Rumah Pengasih Warga Perihatin ini berfungsi dan mencapai matlamat untuk megembalikan segala yang rosak kepada fitrahnya

Posted by [SU Jkkk Kg Sg Ramal Luar](#) at [10:37 PM](#)